



**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA  
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)  
MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KE-32 KHAS (2/2024) SECARA DALAM TALIAN**

---

Tarikh : 3 Mei 2024 Jumaat)  
Masa : 9.30 Pagi  
Platform : Secara dalam talian menerusi aplikasi *Google Meet*  
Kehadiran : Seperti di **Lampiran A**

<b>Minit</b>	<b>Agenda</b>	<b>Tindakan/ Makluman</b>
<b>32.1</b>	<b>Aluan Pengerusi</b>  Pengerusi:  (a) memulakan mesyuarat dengan bacaan ummul kitab Al-fatihah dan seterusnya mengalu-alukan kehadiran Penasihat dan Ahli Jawatankuasa Kerja ke Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali ke-32 Khas (2/2024) secara dalam talian melalui Aplikasi <i>Google Meet</i> ;  (b) merakamkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua ahli; dan  (c) membuat peringatan mesra kepada semua ahli bahawa proses peralihan standard ISMS kepada versi 2022 di UPM perlu dilaksanakan sebelum tarikh akhir tempoh peralihan yang ditetapkan oleh pihak SIRIM iaitu pada 29 Oktober 2025.	<b>Makluman</b>  <b>Makluman</b>  <b>Makluman</b>
<b>32.2</b>	<b>Laporan Penyata Pemakaian [Statement of Applicability (SoA)] &amp; Dokumentasi ISMS</b>  (a) Mesyuarat mengambil maklum perincian Laporan Perubahan Dokumen ISMS adalah sebagaimana <b>Laporan Agenda 2</b> yang dibentang.	<b>Makluman</b>

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
	<p>(b) Mesyuarat mengambil maklum terdapat sebanyak dua (2) dokumen ISMS yang dipinda seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Penyata Pemakaian (Statement of Applicability, SoA); dan</li> <li>(ii) Dokumen Rujukan Pelaksanaan ISMS.</li> </ul> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum perubahan Dokumen Penyata Pemakaian dan Dokumen Rujukan Pelaksanaan ISMS adalah atas justifikasi berlakunya perubahan pada objektif kawalan, kawalan semasa dan senarai dokumen ISO yang dirujuk.</p> <p>(c) Mesyuarat meneliti cadangan perubahan yang dikemukakan dan bersetuju meluluskan Dokumen Penyata Pemakaian dan Dokumen Rujukan Pelaksanaan ISMS untuk diguna pakai oleh semua Pasukan ISMS/PTJ/entiti sokongan ISMS bermula pada 3 Mei 2024.</p> <p>(d) Mesyuarat turut meminta semua Pasukan ISMS dan entiti sokongan ISMS mengambil perhatian terhadap perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Menyimpan bukti tindakan bagi kawalan yang dinyatakan dalam SoA yang berkait dengan tanggungjawab pasukan/entiti; dan</li> <li>(ii) Dokumen rujukan ISMS daripada pihak luar perlu mendapat kelulusan di peringkat UPM terlebih dahulu sebelum diguna pakai.</li> </ul>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Penyelaras ISMS</b></p> <p><b>Semua Ketua Pasukan ISMS/Entiti Sokongan ISMS</b></p>
<p><b>32.3</b></p>	<p><b>Laporan Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko ISMS Semakan Mac 2024</b></p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum Laporan Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko setiap pasukan ISMS hasil semakan Mac 2024 adalah seperti <b>Laporan Agenda 3</b> yang dibentangkan semasa mesyuarat.</p>	<p><b>Makluman</b></p>

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
	(b) mengambil maklum secara keseluruhan laporan menunjukkan terdapat sebanyak 1353 risiko dengan tahap rendah (L), 47 risiko dengan tahap sederhana (M) dan tiada risiko dengan tahap tinggi (H) dicatatkan hasil daripada penilaian ke atas 829 aset yang terlibat bagi semua lima (5) pasukan ISMS.	<b>Makluman</b>
	(c) secara perbandingan penilaian risiko ISMS semakan Mac 2024 menunjukkan peningkatan sebanyak 34 aset yang dinilai yang turut membawa kepada peningkatan jumlah ancaman sebanyak 72 berbanding penilaian semasa semakan Oktober 2023.	<b>Makluman</b>
	(d) turut mengambil maklum sebanyak 1387 risiko diterima (accept) dan 13 risiko dipindah (transfer) berdasarkan penilaian dan pelan pemulihan yang telah dilaksana oleh pasukan ISMS.	<b>Makluman</b>
	(e) mengambil maklum perbandingan tahap risiko mengikut pasukan ISMS dari tahun 2019 hingga Mac 2024 adalah seperti pada <b>Laporan Agenda 3</b> yang dibentang.	<b>Makluman</b>
	(f) mengambil maklum terhadap tindakan kawalan dan pelan pemulihan risiko yang digunakan oleh setiap peneraju ISMS dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat adalah seperti perincian yang dinyatakan dalam Sistem MyRAM setiap pasukan ISMS.	<b>Makluman</b>
	(g) bersetuju meluluskan laporan penilaian risiko dan pelan pemulihan risiko ISMS semakan Mac 2024 dan meminta supaya pemakaiannya dihebahkan kepada semua pasukan/entiti ISMS untuk dijadikan rujukan semasa pelaksanaan Audit Dalaman ISMS Tahun 2024.	<b>Penyelaras Penilaian Risiko ISMS &amp; Penyelaras ISMS</b>
	(h) meminta semua pasukan mengemukakan satu (1) salinan lembut (softcopy) Laporan Terperinci Penilaian Risiko ISMS Semakan Mac 2024 (Detail Risk Assessment Report) yang telah lengkap ditandatangani kepada pihak Urusetia CQA untuk tujuan rekod.	<b>Semua Ketua Pasukan ISMS</b>

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
32.4	<p data-bbox="310 218 488 247"><b>Hal-hal Lain</b></p> <p data-bbox="310 300 1216 369"><b>32.4.1 Takwim Pelaksanaan Peralihan Standard ISMS Tahun 2024/2025</b></p> <p data-bbox="443 422 1216 573">(a) Mesyuarat mengambil maklum Cadangan Takwim Pelaksanaan Tindakan Peralihan Standard ISMS ISO/IEC 27001:2022 sepertimana <b>Laporan Agenda 4.1</b> yang dibentang.</p> <p data-bbox="443 625 1216 777">(b) Mesyuarat meneliti dan bersetuju meluluskan cadangan takwim untuk pelaksanaan gerak kerja ke arah peralihan Standard ISMS ISO/IEC 27001:2022 UPM pada tahun 2024/2025.</p> <p data-bbox="310 829 1216 898"><b>32.4.2 Pengemaskinian Senarai Nama Pegawai Diberi Akses Sistem MyRAM (Semakan Mei 2024)</b></p> <p data-bbox="443 951 1216 1102">(a) Mesyuarat mengambil maklum senarai nama pegawai yang diberi akses ke sistem MyRAM sehingga Mei 2024 bagi setiap pasukan ISMS adalah seperti di <b>Lampiran B.</b></p> <p data-bbox="443 1155 1216 1306">(b) Mesyuarat meneliti dan bersetuju meluluskan senarai nama yang dikemukakan untuk direkodkan dan dijadikan rujukan dalam proses penilaian risiko ISMS UPM.</p> <p data-bbox="443 1358 1216 1545">(c) Mesyuarat turut bersetuju meluluskan cadangan perubahan struktur pasukan ISMS yang terlibat dengan perubahan terkini nama pegawai yang diberi akses ke Sistem MyRAM untuk mula diguna pakai bermula 3 Mei 2024, iaitu:</p> <p data-bbox="511 1598 1216 1667">(i) Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang); dan</p> <p data-bbox="511 1719 1170 1749">(ii) Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah.</p>	<p data-bbox="1239 422 1398 451"><b>Makluman</b></p> <p data-bbox="1239 625 1398 655"><b>Makluman</b></p> <p data-bbox="1239 951 1398 980"><b>Makluman</b></p> <p data-bbox="1239 1155 1398 1184"><b>Makluman</b></p> <p data-bbox="1239 1358 1398 1428"><b>Penyelaras ISMS</b></p>

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
	<p><b>32.4.3 Justifikasi Penolakan Penemuan Audit SIRIM ISMS Tahun 2023</b></p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum berhubung cadangan untuk membuat penolakan satu (1) Laporan Peluang Penambahbaikan Audit SIRIM Tahun 2023 yang ditemui di Sekolah Pengajian Siswazah dan Pusat Antarabangsa Putra iaitu berkaitan dengan pentaksiran risiko keselamatan maklumat (Klausu 6.1.2, Annex A.8.1.1). Justifikasi penolakan OFI yang dikemukakan oleh peneraju adalah seperti di <b>Lampiran C</b>.</p> <p>(b) Mesyuarat bersetuju dengan justifikasi yang dikemukakan dan akan dimajukan kepada Penyelaras Audit UPM untuk tindakan selanjutnya.</p> <p><b>32.4.4 Garis Panduan Pengurusan Risiko Keselamatan Maklumat Sektor Awam</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum Jabatan Perdana Menteri melalui Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2024 bertarikh 21 Mac 2024 telah mengedarkan Garis Panduan Pengurusan Risiko Keselamatan Maklumat Sektor Awam. Garis panduan ini menyenaraikan kaedah serta menerangkan langkah-langkah menguruskan risiko keselamatan maklumat secara bersistematik dan berkesan berdasarkan kepada beberapa garis panduan dan piawaian antarabangsa pengurusan risiko antaranya adalah ISO 31000, MS ISO 31000 dan ISO/IEC 27005. Garis panduan ini akan dijadikan rujukan bagi pelaksanaan pengurusan risiko keselamatan maklumat UPM untuk proses peralihan standard ISMS versi 2022.</p> <p><b>32.4.5 Penghargaan kepada Ahli Jawatankuasa Kerja ISMS UPM</b></p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum dan merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Puan Shamriza Shari, Penyelaras ISMS di Pusat Jaminan Kualiti yang akan berpindah PTJ ke Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) bermula pada 15 Mei 2024. Mesyuarat seterusnya mengucapkan selamat datang kepada Puan</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Penyelaras ISMS</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>

<b>Minit</b>	<b>Agenda</b>	<b>Tindakan/ Makluman</b>
	<p>Nurainakmal Kamal Bahrin daripada Pusat Pertanian Putra yang akan menggantikan Puan Shamriza di Pusat Jaminan Kualiti.</p> <p>(a) Mesyuarat turut mengambil maklum Puan Haslida Hassan, Penasihat ISMS akan bertolak menunaikan haji pada 4 Jun 2024 dan mendoakan semoga urusan dipermudahkan dan mendapat haji yang mabrur.</p>	<b>Makluman</b>
<b>32.5</b>	<p><b>Penangguhan Mesyuarat</b></p> <p>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.00 pagi dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.</p>	

**SENARAI KEHADIRAN  
MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN  
MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KE-32 KHAS (2/2024)  
SECARA DALAM TALIAN**

---

**HADIR**

1. Ts. Shahril Iskandar Amir (Timbalan Wakil Pengurusan ISMS) **- Pengerusi**
2. Puan Haslida Hassan (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
3. Encik Abdullah Arshad (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
4. Ts. Muhamad Farid Harun (Ketua, Pasukan Pusat Data)
5. Puan Yasminani Mohamad (Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)
6. Encik Noor Hakim Ahmad (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu)
7. Encik Sudirman Asmadi (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu)
8. Encik Wan Hafizi Wan Umar (Penyelaras Penilaian Risiko ISMS)
9. Puan Shamriza Shari (Penyelaras ISMS) **- Setiausaha**

**TURUT HADIR**

1. Encik Abdul Hadi Rashid (Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
2. Puan Salwati Abdul Ghani (Wakil, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah)
3. Puan Nurainakmal Kamal Bahrin
4. Puan Kasmaria Zawawi - **Urusetia**

**TIDAK HADIR (DENGAN KENYATAAN)**

1. Ts. Mohd Faizal Daud (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
2. Puan Norhasliza Hassan (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah)  
Cik Shazleen Ilyana Sharifuddin (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah)
3. Encik Jivanathan Arumugam (Timbalan Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)
4. Encik Mohamed Shukri Mohamed Noor (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah – Kampus Serdang)
5. Ts. Rostam Abu Bakar (Timbalan Ketua, Pasukan Pusat Data)

**Lampiran B****SENARAI NAMA AHLI PASUKAN ISMS UPM YANG DIBERI AKSES KE SISTEM MYRAM  
(KEMASKINI MEI 2024)**

<b>NAMA PASUKAN</b>	<b>NAMA AHLI DIBERI AKSES MYRAM</b>	<b>JAWATAN</b>
PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PRASISWAZAH KAMPUS SERDANG	Abdul Hadi Abd Rashid	Project Manager
	Abdul Wahid Mohd Sidik	Team Member
	Abdullah Arshad	Project Advisor
	Askina Aziz	Team Member
	Fadhliil Zakuan Ahmad Fadzil	Team Member
	Mohd Firdaus Zakaria	Team Member
	Ibrahim Hassan, ASP/PB	Team Member
	Mazitah Ahmad	Team Member
	Mohamed Shukri Mohamed Noor	Team Leader
	Mohd Hazrie Minhat	Team Member
	Mohd Mazlimin Omar	Team Member
	Mohd Nidzam Ismail	Team Member
	Noor Baizura Mohd Safiffee	Team Member
	Nor Hasuzie Abdullatif	Team Member
	Noraida Ahmad	Team Member
	Norazlina Zulkefli	Team Member
	Norhasliza Ghazali	Team Member
	Norshahilda Md. Shahril	Team Member
	Nur Fazrina Ismail	Team Member
	Rahiza Abu Hanipah	Team Leader
	Shafiz Ishak	Team Member
	Shamriza Shari	Team Member
	Siti Noriza Samad	Team Member
Suhyna Mohamad Sulaiman, Dr.	Team Leader	
Wan Hafizi Wan Umar	Team Member	
Zainor Mazwin Zainal	Team Member	
Zurayawati Sulaiman	Team Member	
Mohamad Rizal Zamberi	Team Member	
Mohammad Fakarrudeen Zulkifli	Team Member	
PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PRASISWAZAH KAMPUS BINTULU	Abdul Mohammad Omar	Team Member
	Dexter Elvin Menari	Team Member
	Mohamad Syukri Mohamad	Team Member



<b>NAMA PASUKAN</b>	<b>NAMA AHLI DIBERI AKSES MYRAM</b>	<b>JAWATAN</b>
	Adnan	
	Mohd Amaludin Salleh	Project Manager
	Muhammad Amru Badrul Hisam	Team Member
	Noor Hakim Ahmad	Project Manager
	Nurul Haziqah Hasan	Team Member
	Shamriza Shari	Team Member
	Sudirman Asmadi	Team Leader
	Wan Hafizi Wan Umar	Team Member
	Zulkernain Zamawi	Team Member
<b>PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SEPENUH MASA SISWAZAH (SERDANG &amp; BINTULU)</b>	Abdul Razif Abdul Razak	Team Member
	Abdul Wahid Mohd Sidik	Team Member
	Abdul Zaidi Abdullah	Team Member
	Azman Shah Mohd Shahar	Team Member
	Fauzie Mohamad	Team Member
	Juraidah Mohamad Amin	Team Member
	Mohamad Rizal Zamberi	Team Member
	Mohd Mazlimin Omar	Team Member
	Muhammad Amru Badrul Hisam	Team Member
	Norhasliza Hassan	Team Member
	Nur Izyan Abd Aziz	Team Member
	Pavithra Panir Selvam	Team Member
	Nur Shazleen Ilyana Sharifuddin	Team Member
	Salwati Abdul Ghani	Team Member
	Shafiz Ishak	Team Member
	Shamriza Shari	Team Member
	Suhana Johan	Team Member
	Suhyna Mohamad Sulaiman, Dr.	Team Member
	Wan Hafizi Wan Umar	Team Member
	Zurayawati Sulaiman	Team Member
	Noor Baizura Mohd Safiffee	Team Member
<b>PROSES PENILAIAN PENGAJARAN PRASISWAZAH DI FAKULTI</b>	Abdul Wahid Mohd Sidik	Team Member
	Azry Mohd. Adeny	Team Member
	Jivananthan Arumugam	Team Member
	Kamal Sufian Othman	Team Member
	Mohd Mazlimin Omar	Team Member
	Muhammad Faris Aqil Ideris	Team Member

<b>NAMA PASUKAN</b>	<b>NAMA AHLI DIBERI AKSES MYRAM</b>	<b>JAWATAN</b>
	Nor Azirawani Man	Team Member
	Noraida Ahmad	Team Member
	Rosliza Ibrahim	Team Member
	Shafiz Ishak	Team Member
	Shamriza Shari	Team Member
	Wan Hafizi Wan Umar	Team Member
	Yasminani Mohamad	Team Member
	Zurayawati Sulaiman	Team Member
<b>PUSAT DATA</b>	Fadhli Zil Ikram Omar	Team Member
	Mohamad Farid Harun	Team Leader
	Mohd Mazlimin Omar	Team Member
	Rostam Abu Bakar	Team Member
	Sayid Mohamad Nazari Sayid Ismail	Team Member
	Shamriza Shari	Team Member
	Wan Hafizi Wan Umar	Team Member

Kemaskini: 2 Mei 2024

## 4.3 – JUSTIFIKASI PENOLAKAN OFI SIRIM ISMS TAHUN 2023

Client: UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  File Ref: 20190602821			
OPPORTUNITIES FOR IMPROVEMENT			
Clause	Details	Comments on action taken	
6.1.2	<p>Pentaksiran risiko keselamatan maklumat</p> <p>A.8.1.1 Inventori aset</p> <p>Organisasi telah melaksanakan pentaksiran risiko berdasarkan MyRAM di semua PTJ yang berkaitan. Namun aset yang dikaitkan dengan maklumat, dan fasiliti pemprosesan maklumat boleh juga dikenal pasti di dalam pentaksiran risiko bagi mengenal pasti risikonya yang berkaitan. Contohnya CCTV.</p> <p>(Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) dan Pusat Antarabangsa)</p>		

### Justifikasi Penolakan:

**Sekolah Pengajian Siswazah** berpendapat CCTV tidak perlu didaftarkan sebagai aset di dalam MYRAM berikut:

- CCTV di bangunan SPS adalah merupakan salah satu aset yang dibuat perolehan untuk pemantauan keselamatan am bangunan. Ianya didaftarkan di bawah sistem aset universiti dan diurus serta diselenggara mengikut prosedur-prosedur berkaitan oleh Pejabat Bursar.
- Sistem pendaftaran pelajar adalah aplikasi berasaskan web (web based application), dan semua data adalah berada di server di Pusat Data dan bukan di SPS. Oleh itu, tiada keperluan signifikan untuk pemantauan melalui CCTV bagi server di SPS memandangkan server di SPS tidak berkait dengan sistem pendaftaran pelajar.
- Sekiranya berlaku kejadian kecurian komputer dan aset lain di SPS, ianya tidak memberi kesan memandangkan data masih selamat berada di server. Setiap staf juga mengamalkan langkah-langkah keselamatan sebagaimana di Garis Panduan Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (GPKTMK) UPM.
- SPS juga menggunakan kawalan keselamatan lain untuk keselamatan bangunan, di mana pintu utama memerlukan akses masuk melalui nombor kombinasi yang ditukar setiap 3-4 bulan untuk keselamatan.

**Pusat Antarabangsa** bersetuju dengan kenyataan iaitu tiada keperluan CCTV di Pusat Antarabangsa didaftarkan sebagai aset di dalam system MyRAM berdasarkan pernyataan di bawah

- Kegunaan cctv di Pusat Antarabangsa adalah sebagai salah satu fungsi keselamatan untuk kawasan bangunan serta kemudahan kaunter yang ada di Pusat Antarabangsa.
- Pengesahan Pendaftaran pelajar adalah berdasarkan *Web Based* dimana penggunaan sistem berkaitan iaitu PutraENROLL, iGIMS, dan SMP adalah di bawah tanggungjawab Pusat Data (IDEC) dimana semua data adalah berada di server Pusat Data bukan di i-PUTRA. Manakala bagi pengesahan pelajar menggunakan sistem STARS, aplikasi adalah di bawah kelolaan Bahagian Education Malaysia, Jabatan Pengajian Tinggi.
- Memandangkan semua data adalah di dalam server Pusat Data IDEC, sekiranya berlaku sebarang kecurian aset, data boleh dicapai semula menggunakan aset lain.
- Pusat Antarabangsa juga mempunyai sistem kawalan bagi akses kemasukan ke pejabat menggunakan kad akses bagi semua staf manakala kemasukan pelajar adalah terhad di kawasan kaunter visa dan pas sahaja.
- Staf Pusat Antarabangsa juga telah mengamalkan Langkah-langkah keselamatan sepertimana yang telah ditetapkan di bawah Garis Panduan Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi UPM.